

JPS tak sekat kelulusan

BANDARSUNGAIEMAS

– Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Selangor tidak pernah menyekat sebarang kelulusan untuk memperkukuhkan tebing sungai sepertimana yang dimaklumkan oleh penduduk Kampung Fatimah, sebelum ini.

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar memaklumkan, masalah air bertakung yang melanda kawasan itu adalah disebabkan kemasukan air sungai ke kawasan penempatan ketika kenaikan paras air sungai tinggi.

Menurutnya, status tanah di Kampung Fatimah adalah Lesen Menduduki Sementara (Tol) yang diberikan oleh kerajaan negeri kepada penduduk kampung memandangkan ia berada di dalam kawasan rizab sungai.

“Walau bagaimanapun, masalah tersebut tidak kritikal dan JPS Selangor telah membantu secara teknikal dengan melancarkan aliran air keluar terus ke saluran sungai berhampiran.

“Manakala masalah dinding rumah penduduk yang rosak bukan di bawah selenggaraan JPS kerana ia adalah

Laporan... sekaligus...

Geran tak dapat, rumah rosak

37 keluarga di Kampung Fatimah kesal permohonan mereka masih belum diberi perhatian

BANDARSUNGAIEMAS

- Seramai 37 keluarga di Kampung Fatimah, di sini ke-
sial apabila permohonan me-
reka untuk memiliki geran
tanah individu masih tidak
mendapat maklumbalas.

Sinar Harian difahamkan, permohonan sudah pun dibuat kepada semua pihak termasuk kerajaan negeri namun tiada langkah diambil sehingga kini.

Pengerusi Persatuan Penduduk Kampung Fatimah, M Gunasakaran berkata, selain masalah pemilikan geran, penduduk yang tinggal kira-kira 30 meter bersebelahan sungai juga merisaukan berikutan



KASIAMMAL

"Saya sendiri sudah panjangkan perkara ini kepada kerajaan negeri mahupun Kementerian Sumber Asli supaya segerakan per-



RAMASAMY

Seorang penduduk

(OKU). P Ramasamy, 56, berkata, penduduk di dalam kawasan pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) terpaksa berpindah kerana kawasan penempatan penduduk berada di dalam kawasan 50 meter dari tebing sungai.

Bagi seorang warga emas M Kasiarimal 65, berikatan keluarganya antara 37 unit rumah di kawasan itu yang mendapat pe...

"Kita risau sudahlah kerana tak dapat, rumah pula makin teruk sejak setahun lalu. Boleh dikatakan sebahagian besar dinding rumah dah rosak."

Difahamkan, penduduk yang juga bekas pekerja ladang Annikat itu telah menetap di situ sejak 1993 dan menggunakan Sijil Layal Mendiutuki Sementara (TOL).

Ramal pihak dah
turun padang
fengok keadaan sungai,
sampai ada yang cakap
tak lama lagi kami akan
dapat geran, tapi
sampai sekarang sama
saja, tiada geran juga.”
- Seri nusah,
K. Dimpun, 46.



Laporan Sinar Harian 4 April lalu.

hak milik dan tanggungjawab
pengusaha estet," katanya.

Pihaknya turut difahamkan, bagi mengatasi masalah air bertakung dan kemasukan air sungai ke dalam kawasan penempatan, IPS Selangor telah menerima peruntukan daripada kerajaan persekutuan untuk melaksanakan projek menaiktarafkan longkang sepanjang 200 meter serta pintu kawalan pasang surut jenis Automatic Flap Gate di kedua-dua outlet Kampung Fatimah, Sungai Manggis.

“Buat masa kini, proses penilaian sebut harga sedang dalam pelaksanaan manakala jika mempunyai sebarang aduan berkaitan bidang kuasa JPS, orang ramai diminta menghubungi JPS

CARELINE di talian 1-300-80-1010," katanya.

Sebelum ini *Sinar Harian* melaporkan, 37 buah keluarga yang ingin memiliki geran tanah individu masih dilihat tidak membawa berita gembira apabila permohonan mereka seolah-olah tidak diambil perhatian.

Permohonan sudah pun dibuat kepada semua pihak termasuk kerajaan negeri, namun tiada langkah diambil malah membiarkan masalah penduduk terus berlarutan.

Penduduk yang tinggal bersebelahan kawasan sungai kira-kira 30 meter itu memaklumkan mereka masih risau keadaan kediaman mereka jika mengalami keretakan serius.